

1 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Nizam _____ bengkel penulisan kreatif untuk memantapkan dirinya dalam penulisan novel bahasa Melayu.

- ☐ A menuruti
- ☐ B mengikuti
- ☐ C mematuhi
- ☐ D menyusuli

2 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Peserta itu berasa gayat untuk memanjat tembok yang _____ itu walaupun dilengkapi dengan peralatan keselamatan.

- ☐ A besar
- ☐ B tinggi
- ☐ C rendah
- ☐ D panjang

3 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betulnya.

- I Dia *mengambil* surat itu lalu menyimpannya di dalam laci.
- II Puan Suzana amat *mengambil* berat tentang pelajaran anak-anaknya.
- III Kejayaan Amri dalam melaksanakan projek itu *mengambil* pujian ketuanya.
- IV *Mengambil* makanan yang tinggi lemak tepu akan meningkatkan paras kolesterol.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

4 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betulnya.

- I Saya melihat buku abang *berderai-derai* di atas meja itu.
- II Pokok jejawi yang akarnya *berderai-derai* itu agak menyeramkan.
- III Para penonton tertawa *berderai-derai* semasa menyaksikan rancangan komedi itu.
- IV Orang ramai *berderai-derai* keluar dari stadium selepas perlawanan bola sepak itu tamat.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

5.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin** **mengandungi** **kesalahan** **penggunaan** **bahasa** **atau** **mungkin** **juga** **tidak** .
 Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada** kesalahan.

Tuan pengetua mengatakan bahawa segala murid hendak ada rasa tanggungjawab untuk menjaga nama baik sekolah.

- ☐ A separuh murid harus ada
- ☐ B setiap murid perlu ada
- ☐ C sesetengah murid mahu ada
- ☐ D segala murid hendak ada

6.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin** **mengandungi** **kesalahan** **penggunaan** **bahasa** **atau** **mungkin** **juga** **tidak** .
 Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada** kesalahan.

Tujuan program senamrobik itu diadakan adalah untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan menjaga kesihatan diri.

- ☐ A ialah untuk menjaga orang ramai
- ☐ B adalah untuk melatih orang ramai
- ☐ C ialah untuk memelihara orang ramai
- ☐ D adalah untuk mendidik orang ramai

7.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Sekalian persiapan kenduri itu telah selesai pagi tadi.
- II Keempat orang suspek rompakan itu telah ditangkap polis.
- III Berguni-guni beras telah dihantar ke kawasan bencana alam itu.
- IV Semua murid tidak dibenarkan pulang awal semasa program kebahasaan itu berlangsung.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

8.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Pemandangan di pantai itu indah nian terutama pada waktu senja.
- II Pelukis yang terkenal itu memang sudah dikesan bakatnya sejak kecil lagi.
- III Para juri memberikan markah tertinggi kepada penyanyi yang bersuara merdu itu.
- IV Kolam ikan Encik Ikmal menjadi tumpuan kaki pancing kerana banyak cukup ikan di situ.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

9.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

Penguatkuasaan undang-undang jalan raya dapat mendisiplinkan masyarakat agar berhemah semasa memandu kenderaan.

- ☐ A Masyarakat dapat dididik agar berhati-hati semasa memandu kenderaan melalui penguatkuasaan undang-undang jalan raya.
- ☐ B Penguatkuasaan undang-undang jalan raya yang dapat mendisiplinkan masyarakat wajar memandu kenderaan secara berhemah.
- ☐ C Sikap masyarakat yang berwaspada semasa memandu kenderaan dapat dilihat dengan penguatkuasaan undang-undang jalan raya.
- ☐ D Penguatkuasaan undang-undang jalan raya semasa memandu kenderaan dapat menjamin masyarakat agar berdisiplin dan berhemah.

10.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Peribahasa

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Hadi tidak suka menanggungkan kerjanya. Oleh itu, dia menyiapkan kerja yang disuruh oleh ayahnya dengan segeranya supaya dia dapat mengikuti latihan bola sepak di padang pula.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- ☐ A Hidup ini suatu perlumbaan
- ☐ B Biar lambat asalkan selamat
- ☐ C Bertangguh itu pencuri masa
- ☐ D Rajin dan usaha tangga kejayaan

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.



Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soal yang berikutnya.

Memang resmi mereka berpindah-randah apabila tanah lereng bukit yang dikerjakan merosot kesuburannya. Namun, mereka baru berpindah ke Bukit Ungu beberapa bulan. Rata-rata ahli suku berasa sayang untuk meninggalkan huma yang sedang dikerjakan.

Walaupun belum semusim berkampung di situ, semua orang dapat melihat betapa gemuknya padi mereka, seolah-olah buminya *berkhasiat ajaib*. Tanah di situ berbaur warna ungu. Bauran itu tersebar di seluruh lereng, bagaikan cincin melingkari gunung.

Setelah menilik timbang betapa Qadqad tidak pernah menyerang, kebimbangan mereka pun beransur pudar. Sehinggalah tibanya suatu hari, apabila adik lelaki Talia, Jini, disambar demam. Dari malam menjelang pagi, panas badannya tidak surut juga. Bibir Jini kering mengeruping.

“Ini bukan demam biasa,” kata Dodo. “Kita perlu bawa ke hospital.”

“Hospital?” Misa tergamam. “Jauh tu!”

“Begini, kita tumpang saja kereta api lombong,” cadang Dodo, yakin.

Petempatan mereka dengan lombong di utara sebenarnya tidak terlalu jauh. Saban tengah hari, mereka dapat mendengar bunyi kereta api datang dan pergi untuk mengangkut bijih ke bandar. Cuma jarak antara mereka dipisahkan oleh hutan dan belukar.

Ahli-ahli suku itu lebih biasa melalui denai ke timur yang bertemu dengan jalan balak. Jika ditawarkan sedikit beras atau hasil buruan, pemandu-pemandu lori balak sedia menumpangkan mereka. Lewat petang hari yang sama, sampailah mereka ke destinasi. Namun, pemandu-pemandu lori itu juga pernah memberitahu, jalan kereta api memakan masa yang lebih singkat.

Dipetik daripada cerpen “Talia dan Raksasa Qadqad”,
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(1)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata *berkhasiat ajaib* membawa maksud ...

- ☐ A berguna hebat.
- ☐ B berfaedah besar.
- ☐ C bermanfaat tinggi.
- ☐ D berzat menakjubkan.

(2)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

12. Walaupun belum semusim berkampung di situ, semua orang dapat melihat betapa gemuknya padi mereka, seolah-olah buminya *berkhasiat ajaib*.

Apakah kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan pernyataan di atas?

- ☐ A Bersekutu bertambah mutu
- ☐ B Hidup ini suatu perlumbaan
- ☐ C Kehidupan memerlukan pengorbanan
- ☐ D Berbudi kepada tanah, lambat laun mendapat hasilnya

(3)

Konstruk Kemahiran Membaca: Menganalisis

13.

“Ini bukan demam biasa,” kata Dodo. “Kita perlu bawa ke hospital.”

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah perwatakan Dodo yang paling tepat?

- ☐ A Bapa yang sabar
- ☐ B Bapa yang mesra
- ☐ C Bapa yang baik hati
- ☐ D Bapa yang bertanggungjawab

(4)

Konstruk Kemahiran Membaca: Menganalisis

14. Mengapakah ahli-ahli suku menawarkan sedikit beras atau hasil buruan mereka kepada pemandu-pemandu lori balak?

- ☐ A Untuk mengangkut bijih ke bandar
- ☐ B Untuk membawa anak Dodo ke hospital
- ☐ C Untuk menumpangkan mereka ke bandar
- ☐ D Untuk membantu mereka menyerang raksasa Qadqad

(5)

Konstruk Kemahiran Membaca: Menyusun

15. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan di atas?

- ☐ A Jalan kereta api memakan masa yang lebih singkat.
- ☐ B Jarak di antara hospital dengan petempatan Talia agak dekat.
- ☐ C Talia dan keluarganya sudah bertahun-tahun menetap di Bukit Ungu.
- ☐ D Keluarga Talia bimbang kerana raksasa Qadqad akan menyerang mereka.